

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang perdagangan anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda juga harus membacanya.

1 APAKAH ITU LETTER OF CREDIT-i (LC-i)

Kemudahan LC-i ialah satu janji bertulis oleh Bank Islam atas permintaan pelanggan sebagai Pembeli untuk membayar Penjual sejumlah wang seperti yang dinyatakan dalam LC-i, dengan syarat Penjual (sebagai Benefisiari) mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan dalam LC-i. LC-i ini dikawal selia di bawah Uniform Customs and Practice for Documentary Credit, ICC Publication No. 600 (UCP 600).

Kemudahan LC-i boleh diberikan bagi urusan niaga yang melibatkan barangan dan perkhidmatan boleh didagangkan yang patuh Syariah serta, dan ia juga boleh ditawarkan bersama kemudahan pembiayaan perdagangan lain seperti *Trade Working Capital Financing-i (TWCF) Purchase, Accepted Bills-i (AB-i) Purchase* dan *Trade Tawarruq-i (TTQ-i)*. Sila rujuk PDS bagi setiap produk tersebut di laman web Bank Islam untuk maklumat lanjut.

Konsep Syariah yang terpakai ialah Wakalah Bil Ujrah (Agensi dengan Fi), iaitu kontrak di mana anda melantik Bank Islam sebagai ejen untuk melaksanakan tugas tertentu di bawah kemudahan tersebut dengan bayaran perkhidmatan (ujrah).

2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA

Bagi kemudahan ini, sebagai ilustrasi:

- Amaun LC-i = RM100,000 (sehingga 100% daripada nilai kontrak jualan / invois proforma)
- Tempoh = 3 bulan (Tertakluk kepada persetujuan antara Pembeli dan Penjual)
- Kadar Komisen Efektif Bank = 0.1% daripada amaun LC-i sebulan. (Tertakluk kepada minimum RM50)
- Komisen LC-i = RM300

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- I. Duti setem: Seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Setem 1949 [Disemak 1989] (jika berkenaan).
- II. Yuran Pengeluaran.
- III. Caj SWIFT.
- IV. Pos dan Kurier (jika ada).

Nota: Sila rujuk laman web kami di www.bankislam.com untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Sila bayar komisen dan/atau menandatangani amaun LC-i ke dalam Akaun Semasa anda dengan kami seperti yang dinyatakan dalam dokumen sebelum pengeluaran LC-i (jika berkenaan).



Hubungi kami dengan segera sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk membuat penyelesaian bagi kemudahan ini.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda:

- I. Anda perlu **membayar lebih secara keseluruhan** disebabkan oleh caj lewat bayar (caj ganti rugi/ Ta' widh).
- II. Kami boleh **menolak** wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menolak selesai baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- III. Kami boleh **mengambil tindakan undang-undang** terhadap anda.
- IV. **Skor kredit** anda mungkin akan terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.
- V. Mencetuskan kemungkinan bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank Islam.

4 SYARAT UTAMA LAIN

- Memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda.
- **Pembayaran kepada Benefisiari atau penerimaan LC-i** hanya dibuat apabila dokumen yang dikemukakan adalah mematuhi syarat (complying documents). Kami tidak membuat sebarang pengesahan terhadap kualiti atau kuantiti barangan. Kami hanya berurusan dengan dokumen sahaja.
- Perlindungan Takaful adalah pilihan, namun anda atau pembekal anda digalakkan untuk melanggan sebarang perlindungan Takaful yang sesuai.

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

- Jika anda tidak memenuhi keperluan kredit minimum, kami mungkin memerlukan penjamin atau cagaran bagi membolehkan anda meneruskan permohonan.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu / pemilik tunggal / perusahaan kecil dan sederhana.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-26 900 900



Layari kami di
<https://www.bankislam.com>



E-mel kami melalui
contactcentre@bankislam.com.my

Perakuan Pelanggan

(Perakuan pelanggan ke atas PDS ini tidak akan menjejaskan hak merayu (redress) pelanggan jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk).

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Saya mengakui Bank Islam telah memberikan kepada saya salinan PDS.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

Nama:
Tarikh:

CONFIDENTIAL